



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

PENGUMUMAN

**JADUAL PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN TENAGA PENGAJAR LATIHAN
PENGENDALI MAKANAN (LPM) TAHUN 2014**

Tuan/Puan yang dihormati,

Sukacita dimaklumkan Bahagian ini akan menganjurkan Kursus Wajib Tenaga Pengajar bagi pengiktirafan Tenaga Pengajar Latihan Pengendali Makanan (LPM) berdasarkan Jadual berikut:

Sesi Kursus	Tarikh Permohonan		Zon	Tempat Kursus
	Buka	Tutup		
April	1 Mac 2014	28 Mac 2014	Utara	Pulau Pinang
Ogos	1 Julai 2014	25 Julai 2014	Selatan	Melaka/Johor
November	1 Oktober 2014	24 Oktober 2014	Tengah	Kuala Lumpur/ Selangor

Bagi individu yang berminat untuk mengikuti Kursus tersebut, permohonan boleh dikemukakan menggunakan Borang Permohonan Pengiktirafan Tenaga Pengajar Program LPM (Kod : KKM/163/SLPM/TP09 (i)/Pin. 2/2013) ke alamat berikut :

**Pengarah Kanan Keselamatan Dan Kualiti Makanan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 3, Blok E7, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590, Putrajaya**

Calon yang layak akan dimaklumkan untuk mengikuti Kursus Wajib Tenaga Pengajar melalui surat rasmi daripada Bahagian ini. Sila rujuk **Lampiran 1** bagi maklumat lanjut tentang Kursus tersebut.

Permohonan yang dikemukakan sebelum atau selepas tarikh tutup tidak akan diproses.

Sekian, terima kasih.

Kursus Wajib Tenaga Pengajar

- i. Tawaran menghadiri kursus akan dibuka kepada calon yang layak dalam tempoh 7 hari selepas permohonan ditutup.
- ii. Calon yang layak mengikuti kursus memohon akan menerima surat jemputan rasmi yang merangkumi maklumat kursus dan bayaran yang dikenakan.
- iii. Calon perlu membuat bayaran sebanyak RM650.00 atas nama “**Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia**” melalui bank draf, wang pos atau kiriman wang **semasa pendaftaran kursus**.
- iv. Calon secara *walk-in* tidak diterima untuk menyertai kursus
- v. Kursus Wajib Tenaga Pengajar (KWTP) dijalankan selama empat (4) hari yang merangkumi sesi pembelajaran, penilaian individu dan ujian bertulis.
- vi. Calon yang lulus KWTP akan mendapat pengiktirafan sebagai tenaga pengajar. Pemohon yang lulus akan dimaklumkan secara rasmi dan sijil akan diberikan.
- vii. Bagi calon yang gagal, boleh menduduki semula KWTP dengan mengemukakan permohonan semula pada sesi kursus yang seterusnya.